



السَّلَامُ عَلَيْنَا وَمَرْحَمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dikongsikan sedikit maklumat berkaitan Sejarah Hari Raya serta Sunnah dan Adab-adabnya. Semoga bermanfaat.

HARI RAYA ZAMAN YUNANI & ROM

Hari Raya pada fasa ini disebut sebagai 'Eid Bakus'. Hari Raya yang diraikan oleh sebahagian besar masyarakat Yunani dan Rom ini diisi dengan hiburan, minum arak, pergaulan lelaki dan wanita yang melebihi batas tabiat manusia dan terdapat sebahagian yang tidak berpakaian langsung dalam meraikan 'Eid Bakus' ini.

HARI RAYA ZAMAN JAHILIYAH

Istilah 'Eid' atau Hari Raya telah bermula dan diadakan pada zaman Jahiliyah lagi. Ianya disambut dengan tujuan dan objektif yang berbeza sebelum disyariatkan. Terdapat 2 Hari Raya yang besar pada fasa Arab Jahiliyah, iaitu **Hari Raya Nairuz** dan **Hari Raya Mahrajan**. Kedua-dua Hari Raya ini disambut pada waktu siang dan malam bermula terbenam matahari. Mereka akan meraikan dengan pemujaan berhala, binatang yang dikorbankan untuk berhala. Dalam erti kata yang lain, ianya disambut untuk membesarkan berhala-berhala mereka.

HARI RAYA SEBENAR

Daripada Sayyidina Anas r.a., beliau berkata 'Nabi s.a.w. datang ke Madinah membawa Syariat yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t dengan sabda Baginda yang bermaksud :

"Allah s.w.t. telah menggantikan dua hari yang lebih baik daripada sebelumnya (Nairuz & Mahrajan) Hari Al-Fitri dan Hari Al-Adha".

Riwayat An-Nasa'i & Ibn Hibban dengan Sanad Sohih.

SUNNAH & ADAB HARI RAYA

1. Menghidupkan malam 1 Syawal dengan ketaatan kepada Allah s.w.t. Riwayat daripada At-Thobrani – ***"Barangsiapa yang menghidupkan malam Hari Raya dengan bersungguh-sungguh melazimi ketaatan kepada Allah s.w.t., tidak akan mati hatinya di kala hati-hati yang lain dimatikan"***.
- Daripada Sayyidina Muaz B Jabal r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda ; ***"Barangsiapa yang menghidupkan 5 malam dengan ketaatan, wajib baginya Syurga ; Malam Tarwiyah, Malam Arafah, Malam 10 Zulhijjah, Malam Nisfu Sya'ban dan Malam Hari Raya"***.



PERKONGSIAN OLEH : MOHD SYAFIEE BIN ABD RAHMAN,
EKSEKUTIF KANAN,
WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD

2. Memperbanyakkan Takbir. Bermula daripada terbenam matahari pada malam Hari Raya sehingga Imam bertakbiratul ihram untuk Solat Sunat Hari Raya.
3. Sunat memakai pakaian yang baru & cantik. Riwayat daripada Ibnu 'Abbas r.anhuma menyatakan, Rasulullah s.a.w. memakai pakaian berwarna merah pada Hari Raya.
4. Makan dahulu sebelum Solat Sunat Aidilfitri. Sunnahnya juga, memakan 7 biji tamar pada pagi Aidilfitri sebelum memakan juadah yang lain.
5. Melalui 2 jalan yang berbeza ketika pergi dan balik menuju Solat Sunat Aidilfitri.
6. Memulakan Takbir pada Khutbah Hari Raya (khusus untuk Khatib).
7. Mengucapkan ucapan 'Tahniah' ketika bertemu. Ucapan yang paling Afdhal adalah ; **"Kullu 'Am Wa Antum Bikhair, Taqabbalallahuminna Waminkum"**.
8. Bersalaman bagi lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan.
9. Menzahirkan wajah yang gembira dan ceria dan kegembiraan ini merupakan perintah Allah.
10. Ziarah Silaturrahim dan mengerat hubungan sesama muslim.

Semoga Ramadhan menjadi penghubung kepada Syawal dalam mengutamakan Syariat.

Salam Aidilfitri.